

Notis Perlindungan Data Peribadi (PDPN)

1 Jun 2026 ("Tarikh Berkuat Kuasa")

Kumpulan Syarikat Ehsan Bina, termasuk Ehsan Bina Sdn. Bhd., Foresthill Damansara Land Sdn. Bhd., serta syarikat subsidiari, gabungan, berkaitan dan bersekutu (secara kolektif dirujuk sebagai "**Kumpulan EB**", "**kami**", "**kita**" atau "**milik kami**") komited untuk melindungi data peribadi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") dan sebarang pindaannya.

Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan dan melindungi data peribadi dalam menjalankan aktiviti pembangunan hartanah, pembinaan serta aktiviti perniagaan berkaitan kami.

Dengan berkomunikasi dengan kami, menggunakan perkhidmatan kami atau berurusan dengan kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami PDPN ini serta bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda mengikut Notis ini.

(1) DATA PERIBADI

1.1 Jenis Data Peribadi

"Data Peribadi" bermaksud apa-apa maklumat yang berkaitan dengan individu yang boleh dikenal pasti, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- nama, nombor kad pengenalan/pasport, kewarganegaraan, tarikh lahir dan jantina;
- maklumat hubungan (seperti alamat, nombor telefon dan alamat e-mel);
- maklumat pekerjaan, profesion dan pendapatan;
- maklumat perbankan dan kewangan (termasuk maklumat pinjaman dan pembayaran);
- maklumat berkaitan hartanah (termasuk borang tempahan, Perjanjian Jual Beli (SPA) dan rekod transaksi);
- rekod surat-menyurat dan komunikasi; dan
- imej dan rakaman (termasuk gambar serta rakaman CCTV bagi tujuan keselamatan); dan
- sebarang maklumat lain yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami.

Data Peribadi Sensitif (seperti maklumat berkaitan kesihatan, agama atau rekod jenayah) hanya akan diproses apabila perlu dan selaras dengan PDPA, termasuk mendapatkan persetujuan anda apabila dikehendaki oleh undang-undang.

1.2 Sumber Data Peribadi

Data peribadi boleh dikumpulkan daripada:

- anda secara langsung (contohnya melalui borang, SPA, tempahan, pendaftaran atau komunikasi);
- pemohon pekerjaan, calon, pemberi rujukan dan sumber berkaitan pekerjaan lain (termasuk agensi pengambilan pekerja, penyedia saringan latar belakang dan majikan terdahulu);
- laman web, platform digital atau portal pelanggan kami;
- ejen hartanah, pihak pengenal atau wakil yang diberi kuasa;
- institusi kewangan (bagi tujuan pinjaman atau pembiayaan); dan
- sumber yang tersedia kepada umum (setakat yang dibenarkan oleh undang-undang).

1.3 Data Peribadi yang Wajib Diberikan dan Kesan kegagalan untuk memberikan Data Peribadi

Data Peribadi tertentu diperlukan bagi membolehkan kami memproses transaksi, melaksanakan perjanjian atau menyediakan perkhidmatan.

Kegagalan untuk memberikan data tersebut boleh menyebabkan kami tidak dapat meneruskan transaksi atau menyediakan perkhidmatan yang diminta.

(2) TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

2.1 Tujuan Berkaitan Pembangunan Hartanah dan Transaksi

- memproses transaksi hartanah termasuk tempahan, Perjanjian Jual Beli (SPA), pembayaran dan rekod pemilikan;
- memudahkan penyediaan dokumentasi hartanah dan proses perundangan yang berkaitan;
- berurusan dengan institusi kewangan bagi urusan pinjaman dan pembiayaan; dan
- mengurus pembangunan projek, penyerahan projek serta perkara pentadbiran yang berkaitan.

2.2 Pengurusan Hubungan dan Perkhidmatan Pelanggan

- mengurus hubungan dan komunikasi dengan pelanggan;
- menjawab pertanyaan, permintaan atau aduan; dan
- menyediakan perkhidmatan selepas jualan termasuk penyerahan milikan hartanah dan khidmat pelanggan.

2.3 Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan

- memberikan maklumat mengenai projek, produk, promosi dan acara kami (tertakluk kepada persetujuan anda);
- menjalankan tinjauan pelanggan, kajian pasaran dan inisiatif penambahbaikan perkhidmatan; dan
- mengurus kempen pemasaran, acara serta aktiviti promosi.

2.4 Operasi dan Pentadbiran Perniagaan

- mengurus operasi perniagaan termasuk urusan dengan kontraktor, perunding, penyedia perkhidmatan dan pembekal;
- pentadbiran dalaman, penyimpanan rekod dan penyediaan laporan; dan
- menyokong sistem teknologi maklumat, pengehosan data dan infrastruktur operasi.

2.5 Tujuan Berkaitan Pengambilan dan Pengurusan Pekerjaan

- menilai permohonan anda, menjalankan temu duga dan memaklumkan keputusan pengambilan pekerja;
- mengesahkan identiti, kelayakan, sejarah pekerjaan dan rujukan anda;
- menilai kesesuaian anda bagi jawatan semasa dan masa hadapan dalam Kumpulan EB;
- menyediakan dokumentasi pekerjaan dan proses orientasi pekerja baharu (sekiranya berjaya);
- mengurus hal-hal pekerjaan seperti penggajian, faedah pekerja, caruman berkanun, cuti dan pengurusan prestasi;
- memastikan pematuhan kepada polisi dalaman, kewajipan undang-undang dan keperluan tempat kerja;
- mengurus keselamatan, sekuriti dan kawalan akses di tempat kerja; dan
- mengendalikan perkara disiplin, aduan dan siasatan, jika berkenaan.

2.6 Perundangan, Pematuhan dan Pengurusan Risiko

- mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
- menjalankan semakan kredit dan penilaian kewangan apabila perlu;
- mencegah penipuan, salah laku dan insiden keselamatan; dan
- menjalankan audit, siasatan dan penguatkuasaan hak-hak perundangan.

Jika berkenaan, tujuan-tujuan di atas merangkumi aktiviti berkaitan pelanggan dan juga pekerjaan.

Kami tidak akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan di atas melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang atau dengan persetujuan anda.

(3) PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda boleh didedahkan, jika perlu, kepada pihak-pihak berikut:

- syarikat-syarikat dalam Kumpulan EB (termasuk syarikat induk, subsidiari dan entiti berkaitan);
- institusi kewangan, bank dan pemproses pembayaran;
- penasihat profesional termasuk peguam, juruaudit, perunding dan syarikat insurans;
- kontraktor, perunding, penyedia perkhidmatan dan pembekal yang dilantik berkaitan dengan operasi perniagaan kami (termasuk pembangunan hartanah, jualan, pemasaran dan perkhidmatan berkaitan hartanah);
- penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyokong sistem dan operasi kami, termasuk sistem teknologi maklumat, penyimpanan data, pengehosan data dan platform pengurusan pelanggan;
- agensi pengambilan pekerja, penyedia saringan latar belakang, pemberi rujukan, majikan terdahulu, institusi pendidikan dan badan profesional bagi tujuan pengesahan serta urusan berkaitan pekerjaan;
- pihak berkuasa kerajaan, badan berkanun, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan undang-undang, apabila dikehendaki oleh undang-undang atau sebagai respons kepada permintaan yang sah; dan
- mana-mana pihak yang pendedahannya dikehendaki atau dibenarkan di bawah undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa.

Kumpulan EB tidak akan mendedahkan Data Peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan anda kecuali apabila dikehendaki oleh undang-undang, dan pendedahan tersebut adalah terhad kepada tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini.

Kami tidak menjual, menyewa atau memperdagangkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.

(4) AKSES DAN PEMBETULAN

Anda mempunyai hak untuk:

- meminta akses kepada Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami; dan
- meminta pembetulan terhadap mana-mana Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak terkini.

Permintaan hendaklah dikemukakan secara bertulis menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami mungkin memerlukan pengesahan identiti anda sebelum memproses permintaan tersebut.

Kami akan memberikan maklum balas dalam tempoh yang munasabah selaras dengan kehendak PDPA.

Sila ambil perhatian bahawa kami berhak menolak permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan Data Peribadi mengikut peruntukan PDPA, termasuk dalam keadaan di mana akses tersebut dihadkan oleh undang-undang atau apabila data berkenaan mengandungi maklumat sulit yang berkaitan dengan pihak lain.

Anda digalakkan untuk memastikan Data Peribadi anda sentiasa tepat dan terkini dengan memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dari semasa ke semasa.

(5) PENGEKALAN DAN INTEGRITI DATA PERIBADI

Kami mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang kami kumpul, gunakan, dedahkan dan proses adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini bagi tujuan pemrosesannya. Jika sesuai, kami boleh menjalankan semakan dan pengemaskinian Data Peribadi secara berkala dengan pekerja, pelanggan, pembeli, kontraktor, pembekal dan subjek data lain bagi memastikan ketepatan serta integriti rekod kami.

Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami dengan segera mengenai sebarang perubahan kepada Data Peribadi anda supaya kami dapat mengekalkan rekod yang tepat dan terkini.

Data Peribadi anda akan disimpan hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan pengumpulannya atau sebagaimana yang diperlukan untuk mematuhi keperluan undang-undang, peraturan, kontrak, percukaian, perakaunan, audit, operasi atau keperluan perniagaan yang berkaitan.

Tempoh penyimpanan mungkin berbeza bergantung kepada jenis Data Peribadi dan kewajipan undang-undang yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- Rekod pekerjaan boleh disimpan bagi tempoh yang diperlukan di bawah undang-undang pekerjaan, percukaian dan keperluan berkanun yang berkaitan;
- Rekod kewangan, perakaunan dan percukaian lazimnya akan disimpan sekurang-kurangnya selama tujuh (7) tahun selaras dengan undang-undang percukaian dan perakaunan yang berkuat kuasa;
- Perjanjian Jual Beli (SPA), rekod transaksi hartanah, dokumen pembiayaan dan dokumen sokongan yang berkaitan lazimnya akan disimpan sekurang-kurangnya selama tujuh (7) tahun atau bagi tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, kewajipan kontrak, keperluan audit atau prosiding undang-undang; dan
- Rekod yang berkaitan dengan pertikaian, siasatan, litigasi atau perkara kawal selia yang masih berjalan boleh disimpan sehingga perkara tersebut diselesaikan sepenuhnya dan mana-mana tempoh penyimpanan yang berkaitan telah tamat.

Bagi pemohon pekerjaan yang tidak berjaya, Data Peribadi boleh disimpan untuk tempoh yang munasabah, lazimnya tidak melebihi dua (2) tahun, bagi pertimbangan peluang pekerjaan pada masa hadapan melainkan anda meminta sebaliknya.

Apabila Data Peribadi tidak lagi diperlukan bagi tujuan ia dikumpul atau disimpan, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi tersebut dipadamkan, dimusnahkan, dinyahidentitikan (anonymised) atau dilupuskan dengan selamat mengikut dasar penyimpanan data kami dan undang-undang yang berkuat kuasa.

(6) KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

Kami komited untuk memastikan Data Peribadi anda disimpan dengan selamat. Kami melaksanakan langkah-langkah teknikal, organisasi dan fizikal yang bersesuaian bagi melindungi Data Peribadi daripada pemprosesan tanpa kebenaran atau menyalahi undang-undang, kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian atau pendedahan yang tidak dibenarkan, selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa dan amalan industri yang diterima pakai.

Langkah-langkah tersebut termasuk:

- mengehaskan akses kepada Data Peribadi hanya kepada kakitangan yang diberi kuasa berdasarkan keperluan tugas (“need-to-know basis”);
- mengekalkan sistem dan kawalan teknologi maklumat yang selamat bagi melindungi data elektronik;
- menjalankan penilaian keselamatan, audit dan semakan berkala bagi menilai keberkesanan kawalan perlindungan data dan keselamatan maklumat;
- memastikan penyimpanan dan pengendalian rekod fizikal dilakukan secara selamat; dan
- melaksanakan kaedah yang selamat bagi pelupusan atau pemusnahan Data Peribadi.

Kami juga mewajibkan pekerja, kontraktor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami untuk mematuhi kewajipan kerahsiaan dan perlindungan data yang sewajarnya.

Sekiranya pengawal data (syarikat) mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pelanggaran data peribadi telah berlaku, syarikat hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada Pesuruhjaya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

(7) HAK DAN PILIHAN ANDA

Tertakluk kepada peruntukan PDPA, anda mempunyai hak untuk:

- menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda pada bila-bila masa (tertakluk kepada sekatan undang-undang atau kontrak);
- meminta agar pemprosesan Data Peribadi anda dihentikan atau membantah pemrosesannya;
- memilih untuk tidak membenarkan penggunaan Data Peribadi anda bagi tujuan pemasaran langsung pada bila-bila masa;
- memilih untuk tidak menerima komunikasi pemasaran daripada kami;
- meminta pemindahan Data Peribadi anda kepada organisasi lain, jika berkenaan dan secara teknikalnya boleh dilaksanakan; dan
- membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan berhubung pemprosesan Data Peribadi anda.

Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan atau pengehadan pemprosesan Data Peribadi mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan perkhidmatan tertentu kepada anda atau melengkapkan sesuatu transaksi.

Semua permintaan atau pertanyaan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami mungkin memerlukan pengesahan identiti anda sebelum memproses permintaan tersebut.

(8) MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, permintaan atau aduan berkaitan Data Peribadi anda, atau jika anda ingin melaksanakan hak-hak anda di bawah Notis ini, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di:

**Pegawai Perlindungan Data (DPO)
Kumpulan Syarikat Ehsan Bina**

GF Wisma Ehsan Bina,
No. 3, Jalan Kuchai Maju 12,
Kuchai Entrepreneurs' Park,
58200 Kuala Lumpur.

Tel: **+603-7980 2111**
Email: dpo@ehsanbina.com

Sila sertakan nama penuh, maklumat untuk dihubungi dan penerangan yang jelas mengenai permintaan atau perkara yang ingin dibangkitkan bagi membolehkan kami memproses permintaan anda dengan lebih cekap.

Kami akan memberikan maklum balas terhadap permintaan anda dalam tempoh yang munasabah selaras dengan kehendak PDPA.

(9) BAHASA DAN PERUBAHAN KEPADA NOTIS INI

Menurut Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Notis ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara kedua-dua versi tersebut, **versi Bahasa Inggeris** hendaklah diguna pakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Kami boleh menyemak, meminda atau mengemas kini Notis ini dari semasa ke semasa bagi mencerminkan perubahan dalam keperluan undang-undang, kawal selia atau perniagaan.

Sebarang pindaan atau kemas kini akan diterbitkan di laman web kami atau dimaklumkan melalui saluran komunikasi yang bersesuaian. Penglibatan berterusan anda dengan kami selepas penerbitan pindaan tersebut akan dianggap sebagai pengakuan dan penerimaan anda terhadap perubahan berkenaan.